

NOTIS PRIVASI DAN DATA PERIBADI

Kami, Phillip Capital Sdn. Bhd. ("PCSB"), komited untuk melindungi privasi pelabur selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dalam menjalankan urusan pemberkeran niaga hadapan dan derivatif. "Data Peribadi" ialah maklumat pengenalan yang berkaitan dengan anda (pemegang akaun). Dalam notis ini, kami menerangkan kepada anda bagaimana kami mengendalikan Data peribadi anda yang kami kumpulkan melalui borang pembukaan akaun ("Borang pembukaan akaun") dan melalui cara lain [contohnya, arahan bertulis anda, panggilan telefon, e-mel dan komunikasi lain atau surat-menjurat dengan kami, juga dari ejen-ejen pemberkeran niaga hadapan dan derivatif, perancang kewangan, rakan perniagaan dan wakil undang-undang, agensiagensi rujukan kredit, agensi-agensi pencegahan penipuan, agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat pengurusan pemberkeran niaga hadapan dan derivatif lain, atau pihak ketiga lain yang terlibat dalam urusan perniagaan kami dengan anda]. **"ANDA" DALAM NOTIS INI MERUJUK KEPADA ANDA SEBAGAI PEMEGANG AKAUN UTAMA.**

1. Mengenai Notis Ini

- 1.1 **"Notis mengenai Data Peribadi Anda"** ("notis") ini dikeluarkan selaras dengan **Seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010** ("Akta") di bawah "Prinsip Notis dan Pilihan".
- 1.2 **Sila ambil perhatian bahawa Akta ini adalah hanya tertakluk untuk DATA yang disediakan oleh pemohon individu (iaitu DATA subjek) sahaja dan tidak terpakai untuk pemohon korporat.**

2. Maklumat Peribadi Anda Termasuk:

- **Pengenalan am dan maklumat perhubungan**
Nama, alamat, e-mel dan nombor telefon, jantina, bangsa, status kewarganegaraan, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, kata laluan, latar-belakang pendidikan, foto, rujukan pekerjaan, kemahiran dan pengalaman, lesen profesional dan keahlian anda. □ **Nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh badan atau agensi-agensi kerajaan.** Nombor pengenalan pendaftaran negara, nombor pasport, nombor pengenalan cukai, nombor pengenalan tentera atau nombor lesen memandu atau lain-lain nombor lesen.
- **Maklumat kewangan dan butir-butir akaun**
Nombor kad bayaran, nombor akaun bank dan butir-butir akaun terperinci rujukan credit dan skor kredit, aset, pendapatan dan lain-lain maklumat kewangan.
- **Lain-lain maklumat sensitif**
Agama, pendapat politik, rujukan perubatan keluarga atau maklumat genetik, rekod jenayah atau sejarah litigasi sivil.
- **Rakaman telefon**
Rakaman panggilan telefon kepada wakil-wakil peniaga berlesen dan pusat panggilan perkhidmatan pelanggan kami.
- **Maklumat yang membolehkan kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan**
Lokasi dan mengenalpasti harta anda, pemilikan atau kepentingan pengurusan dalam sesebuah organisasi.
- **Keutamaan pemasaran dan maklum balas pelanggan**

Keutamaan pemasaran anda untuk memasuki peraduan atau cabutan hadiah atau promosi jualan atau memberi respon kepada kajian kepuasan pelanggan secara sukarela.

3. Keperluan Untuk Membekalkan Maklumat Peribadi Anda

Ia adalah perlu bagi anda untuk membekalkan maklumat peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami menggunakan seperti yang diterangkan dalam **Seksyen 4** di bawah. Kegagalan anda untuk menyediakan maklumat peribadi anda boleh menyebabkan kami tidak dapat memberikan anda sebarang perkhidmatan yang diterangkan di sini.

4. Tujuan Maklumat Peribadi Anda Dikumpul Dan Selanjutnya Diproses

Kami mengumpul dan memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

- Untuk mendapatkan margin sumbangan untuk akaun perdagangan niaga hadapan dan derivatif anda.
- Untuk memasuki transaksi perniagaan dengan anda.
- Untuk menyampaikan notis, perkhidmatan dan/atau produk mengikut perjanjian kami dengan anda.
- Untuk berkomunikasi dengan anda sebagai sebahagian daripada hubungan pelanggan-perniagaan kami.
- Untuk menghantar maklumat penting mengenai perubahan kepada dasar-dasar kami, lain-lain terma dan syarat dan lain-lain maklumat pentadbiran.
- Untuk menilai kelayakan anda untuk niaga hadapan dan pelan-pelan strategi dagangan derivatif yang sesuai, memproses dana dan pembayaran lain.
- Untuk menghalang, mengesan dan menyiasat jenayah, termasuk penipuan dan pengubahan wang haram, menganalisis dan menguruskan risiko-risiko komersil lain.
- Untuk menyediakan maklumat pemasaran kepada anda [termasuk maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat dalam Kumpulan Phillip Capital Malaysia ("PCM") dan pihak ketiga lain yang terpilih] mengikut keutamaan anda.
- Untuk membolehkan anda mengambil bahagian dalam pertandingan, cabutan hadiah dan promosi yang serupa, dan mentadbir aktiviti-aktiviti tersebut. Ada diantara aktiviti-aktiviti ini mempunyai terma dan syarat-syarat tambahan, yang mungkin mengandungi maklumat tambahan tentang bagaimana kami menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi anda, dimana anda perlu baca dengan teliti.
- Untuk mematuhi polisi dan prosedur dalaman seperti aktiviti pengauditan, kewangan dan perakaunan, sistem IT, maklumat dan hosting laman web, rekod-rekod kesinambungan perniagaan, dokumen dan pengurusan percetakan.
- Menyelesaikan aduan dan mengendalikan permintaan bagi mengakses atau membetulkan maklumat.
- Untuk mematuhi proses undang-undang dan bertindak balas terhadap permintaan daripada pihak-pihak berkuasa awam dan kerajaan.
- Untuk mewujudkan dan mempertahankan hak undang-undang privasi, keselamatan atau harta syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan mengambil langkah pemberaikan yang tersedia atau menghadkan kerosakan kami.

5. Hak Untuk Mengakses Maklumat Peribadi Anda Dan Membuat Pembetulan, Mengemukakan Soalan dan Kebimbangan

- 5.1 Anda akan diberi akses kepada maklumat peribadi anda yang kami pegang dan anda berhak untuk membetulkan maklumat peribadi di mana maklumat peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskini, kecuali di mana pematuhan dengan permintaan untuk akses atau pembetulan itu ditolak di bawah Akta ini.
- 5.2 **Sila ambil perhatian bahawa beberapa maklumat peribadi mungkin dikecualikan daripada hak-hak akses, pembetulan, bantahan, pemotongan atau penindasan menurut Akta tersebut. Kami akan memaklumkan kepada anda apabila keadaankeadaan tertentu timbul seperti yang dibenarkan di bawah Akta di mana kami boleh menolak permintaan anda tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh permintaan anda diterima.**

6 Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Kami akan, apabila memproses maklumat peribadi anda, mengambil langkah-langkah yang praktikal untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau disengajakan, pindaan atau pemusnahan yang dianggap:

- (a) kepada sifat maklumat peribadi itu dan kemudaratannya yang mungkin disebabkan dari kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau disengajakan, pindaan atau pemusnahan,
- (b) tempat atau lokasi di mana maklumat peribadi disimpan,
- (c) apa-apa langkah keselamatan yang digabungkan ke dalam mana-mana peralatan di mana maklumat peribadi disimpan,
- (d) kepada langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kebolehpercayaan dan kecekapan pihak yang mempunyai akses kepada maklumat peribadi, dan
- (e) kepada langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pemindahan maklumat peribadi dengan selamat.

7 Penyimpanan Maklumat Peribadi Anda

Maklumat peribadi anda yang diproses bagi maksud-maksud di sini tidak akan disimpan lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan itu. Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua maklumat peribadi akan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika ia tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang mana ia adalah untuk diproses, yang dikehendaki oleh Seksyen 108, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun.

8 Integriti Maklumat

Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa terkini dengan mengambil kira maksud, termasuk apa-apa maksud yang berkaitan secara langsung, yang mana maklumat peribadi yang telah dikumpul dan diproses seterusnya.

9. Tawaran Pemasaran Langsung

- 9.1 Kami menjemput anda untuk berada dalam senarai mel untuk tujuan pemasaran langsung dari kami. "Pemasaran langsung" ertinya komunikasi daripada kami dengan apa jua cara daripada sebarang iklan atau bahan pemasaran yang ditujukan kepada anda. Selain itu, kami boleh berhenti atau tidak memulakan pemprosesan maklumat peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung.
- 9.2 Tidak mengambil kira perkara di atas, anda boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis meminta kami pada penghujung tempoh tersebut yang munasabah untuk berhenti atau tidak memulakan pemprosesan maklumat peribadi anda untuk tujuan di atas. Jika anda tidak berpuas hati dengan kesediaan kami untuk mematuhi notis anda, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, anda boleh mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Lembaga Perlindungan Data Peribadi, untuk memastikan kami mematuhi notis tersebut.

10. Pemindahan Antarabangsa Untuk Maklumat Peribadi

- 10.1 Kami tidak akan memindahkan mana-mana maklumat peribadi anda keluar daripada Malaysia melainkan ke tempat seperti yang ditetapkan menurut Akta.
- 10.2 Tidak mengambil kira **Seksyen 10.1**, kami boleh memindahkan maklumat peribadi anda keluar daripada Malaysia, dengan cara yang selamat, ke syarikat-syarikat kumpulan kami, pembekal perkhidmatan, rakan perniagaan dan pihak berkuasa kerajaan atau awam,dalam keadaan berikut:
- (a) di mana anda telah memberikan keizinan untuk pemindahan;
 - (b) pemindahan adalah perlu bagi prestasi kontrak diantara anda dan kami;
 - (c) pemindahan adalah perlu bagi kesimpulan atau prestasi kontrak di antara kami dan ketiga pihak yang:
 - (i) telah dimasukkan atas permintaan anda; dan (ii) adalah dalam minat anda.
 - (d) pemindahan itu adalah bagi kegunaan mana-mana prosiding undang-undang atau bagi maksud mendapatkan nasihat undang-undang atau untuk mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan undang-undang hak;
 - (e) kami mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dalam semua keadaan kes:
 - (i) pemindahan itu adalah bagi mengelakkan atau mengurangkan tindakan tegas terhadap kamu;
 - (ii) adalah tidak praktikal untuk mendapatkan kebenaran anda secara bertulis terhadap pemindahan itu; dan
 - (iii) jika ia adalah praktikal untuk mendapatkan kebenaran tersebut, anda mungkin telah memberikan keizinan anda.
 - (f) kami telah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah dan melaksanakan semua langkah yang wajar untuk memastikan bahawa maklumat peribadi yang tidak di tempat itu akan diproses dalam apa-apa cara yang, sekiranya tempat itu ialah Malaysia, akan bertentangan dengan Akta ini;
 - (g) pemindahan adalah perlu untuk melindungi kepentingan anda; dan
 - (h) pemindahan adalah perlu sebagai kepentingan awam dalam keadaan-keadaan seperti yang ditentukan di bawah Akta ini.

11. Perubahan Kepada Dasar Maklumat Peribadi dan Privasi

Kami akan kerap menyemak dasar maklumat peribadi dan privasi dan berhak untuk membuat perubahan pada bila-bila masa untuk mengambil kira perubahan dalam perniagaan dan keperluan undang-undang kami. Kami akan meletakkan yang terkini di laman web kami, <https://www.phillip.com.my/>

12. Sebarang Pertanyaan Berkenaan Dengan Maklumat Peribadi Anda

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan maklumat peribadi, anda boleh menghantar e-mel kepada **Khidmat Pelanggan kami di pcsb_enquiry@phillipcapital.com.my** atau hubungi Hotline Perkhidmatan Pelanggan kami di **03-2162 1628** atau tulis kepada "Khidmat Pelanggan", Phillip Capital Sdn Bhd, B-18-6, Blok B Aras 18 Unit 6, Megan Avenue 2, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.